

Pemikiran Kritikal bagi Meningkatkan Kemahiran Menjawab Soalan Inferens

Manisah Osman

manisah_osman@moe.edu.sg

Siti Nurulhuda Md Yunus


siti_nurulhuda_md_yunus@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Yio Chu Kang

Abstrak

Berdasarkan dapatan analisis setiap ujian dan peperiksaan bahasa Melayu di peringkat sekolah, murid sering tidak dapat menjawab soalan-soalan inferens dengan baik. Pengkaji berasakan penekanan pada unsur pemikiran kritikal perlu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya kemahiran pemikiran kritikal yang menjurus kepada pembangunan kemahiran melakukan inferens dalam pemikiran murid. Justeru, kajian tindakan ini dijalankan bagi meninjau keberkesanan pembinaan kemahiran pemikiran kritikal dalam diri murid peringkat Darjah 6. Kajian bersifat kuasi-eksperimen ini menggunakan reka bentuk praujian dan pascaujian tanpa kumpulan kawalan. Kajian ini turut menganalisis data kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas untuk memperkasakan kemahiran pemikiran kritikal murid. Kemahiran menjawab soalan kefahaman jenis inferens murid menunjukkan peningkatan yang positif.

Kata Kunci: pemikiran kritikal, membuat inferens, kemahiran berfikir, Apa yang menyebabkan awak berkata begitu



PENGENALAN

Membina dan memperkasakan kemahiran berfikir dalam diri murid adalah penting demi mempersiapkan mereka menghadapi cabaran-cabaran kehidupan. Pengajaran yang menggalakkan murid berfikir dan menggunakan pemikiran kritikal, bukan sahaja dapat membina kemahiran berfikir tersebut, malahan dapat juga memperkasakan kemahiran tersebut apabila dilakukan dengan sengaja dan terancang. Kajian ini bertujuan menyelidik kesan pengajaran yang menekankan pembinaan kemahiran berfikir khususnya kemahiran membuat inferens pemikiran kritikal ke atas prestasi murid dalam menjawab soalan-soalan inferens dalam kefahaman bertulis.

PERNYATAAN MASALAH

Ennis, R. (1985) menyamakan pemikiran kritikal sebagai "...pemikiran reflektif dan munasabah yang berfokus pada membuat keputusan tentang apa yang harus dipercayai dan dilaksanakan". Ini sejajar dengan usaha guru dan sekolah menyampaikan sebuah kurikulum yang menanam dan menyuburkan kecenderungan atau tabiat seperti keterbukaan berfikir. Kurikulum ini mendorong murid untuk sentiasa mahu mendapatkan maklumat dan menggalakkan kebolehan berfikir yang memerlukan pencerahan melalui soalan, istilah, andaian, menilai kesahan sesuatu sumber, berfikir secara logika, mengenal pasti dan menggunakan strategi yang meyakinkan (*persuasive*).

Usaha membangunkan dan memperkasakan kemahiran pemikiran kritikal memerlukan para guru menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran yang boleh memberi peluang kepada para murid untuk membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar ke atas pelbagai bahan bacaan yang dibaca. Guru juga harus menyediakan pengalaman pembelajaran yang dapat mencabar murid untuk berfikir dengan kritikal, analitikal dan kreatif. Dalam hal ini, pengajaran dan pembelajaran menjawab soalan-soalan kefahaman menyediakan ruang untuk guru berusaha membangunkan kemahiran pemikiran kritikal. Ini kerana semua guru terlatih pasti kenal dan tahu akan Taksonomi Bloom yang menjadi dasar kepada pembangunan soalan-soalan kefahaman yang menekankan perlunya menanyakan soalan-soalan yang '*higher-order thinking*' berbanding soalan-soalan yang bersifat *Remembering* (mengingati) atau *Understanding* (memahami) sahaja. Oleh itu, unsur kemahiran berfikir sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Terbaharu,



Project Zero di Harvard, mengemukakan *Making Thinking Visible* yang bertujuan mengajarkan pemikiran kritikal yang boleh digambarkan melalui rutin berfikir yang pelbagai. Rutin berfikir ini kemudiannya menjadi landasan yang amat sesuai untuk para guru menjalankan intervensi pengajaran dan pembelajaran.


Pada peringkat PSLE pula, jumlah soalan-soalan jenis inferens telah ditambah dalam kedua kefahaman objektif dan subjektif dalam format terbaharunya yang diperkenalkan sejak tahun 2010 dan masih dikekalkan dalam format terbaharu 2017. Melalui kajian tidak formal di peringkat sekolah, penyelidik menjalankan analisis item selepas setiap ujian BM. Kelakonan murid dalam bahagian ini didapati sering tidak memuaskan. Ekoran daripada dapatan inilah, penyelidik merasakan bahawa penekanan pada unsur pemikiran kritikal perlu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya berdasarkan kesan positif kemahiran kritikal yang tertumpu pada pembangunan kemahiran membuat inferens dalam diri murid. Kajian ini diharap dapat menjawab soalan-soalan berikut:

1. Adakah strategi pengajaran kefahaman yang eksplisit dengan menggunakan rutin berfikir 'Apa yang Menyebabkan Awak Kata Begitu' dapat membina kemahiran murid menjawab soalan inferens dalam kefahaman?
2. Adakah strategi pengajaran kefahaman yang eksplisit dengan menggunakan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Kata Begitu dapat memperkasakan kemahiran pemikiran kritikal murid?
3. Adakah strategi pengajaran kefahaman yang eksplisit dengan menggunakan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Kata Begitu dapat membantu murid membuat inferens dengan mudah?

TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk:

1. melihat sejauh mana unsur-unsur pemikiran kritikal dapat dibangkitkan dan ditekankan dalam pengajaran kefahaman dan kesannya ke atas prestasi murid; dan
2. melihat sejauh mana pengajaran kefahaman secara eksplisit yang menekankan aspek pemikiran kritikal, khususnya dengan menggunakan rutin berfikir 'Apa yang Menyebabkan Awak Kata Begitu' dapat memberi



kesan ke atas prestasi murid menjawab soalan-soalan kefahaman jenis inferens.

KAJIAN LEPAS

Kepentingan aspek pembinaan kemahiran pemikiran kritikal yang tertumpu kepada kemahiran membuat inferens dapat dilihat kebenarannya melalui kajian-kajian lepas. Pengajaran yang tertumpu kepada pembinaan kemahiran murid membuat inferens telah dikaji dari semasa ke semasa. Antaranya, ada yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara kemahiran kefahaman dan kemahiran membuat inferens walaupun semua subjek mempunyai pengetahuan sama rata (Cain & Oakhill, Barnes dan Bryant, 2001). Hasil kajian ini mencadangkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai kemahiran kefahaman, lebih mudah memperolehi dan membina pengetahuan baharu yang lebih stabil daripada rakan-rakan mereka yang kurang kemahiran kefahamannya. Ini dipercayai disebabkan oleh mereka mempunyai daya ingatan yang kuat untuk mengingat teks yang mereka baca. Namun apabila kemahiran membuat inferens itu diukur, para penyelidik mendapati kanak-kanak yang kurang berkemahiran (kefahaman) tidak dapat membuat inferens sebaik rakan-rakan mereka yang lebih berkemahiran. Hal ini bahkan dikuatkan lagi dengan dapatan bahawa daya ingatan langsung tidak mempengaruhi kebolehan membuat inferens itu. Sebenarnya kumpulan subjek yang lemah dalam hal membuat inferens itu didapati gagal mencari premis tekstual yang relevan bagi membantu mereka membuat inferens. Kajian ini juga mendapati bahawa kegagalan tersebut dan kelemahan kemahiran kefahaman terjadi pada peringkat yang lebih awal lagi kerana subjek mempunyai kesukaran menghubungkan premis tekstual dengan kehendak soalan.

Satu kajian lain (Kispal, 2008) yang menghimpunkan dapatan daripada tinjauan literatur mengenai kemahiran membuat inferens yang dijalankan juga melaporkan beberapa perkara yang menarik. Antara dapatan yang menarik adalah dapatan yang berkaitan soalan-soalan yang sesuai ditanyakan oleh guru dan jenis teks yang didapati sesuai untuk mengajarkan kemahiran membuat inferens.

Hasil daripada kajian literatur ini, Kispal membuat rumusan bahawa antara perkara-perkara yang diperlukan dalam pengajaran kemahiran membuat inferens adalah teknik penysoalan guru. Soalan 'Bagaimana kamu tahu?' merupakan soalan yang sangat digalakkan penggunaannya untuk menyokong pencarian




bukti bagi soalan-soalan yang bertanyakan tentang hubungan antara watak-watak dalam teks, sasaran dan motivasi seseorang. Mengajarkan kemahiran membuat inferens juga memerlukan guru untuk mengajarkan murid-muridnya supaya sering bertanya soalan sepanjang proses membaca teks untuk menyemak kefahaman mereka tentang teks yang dibaca.

Perkara kedua yang dilaporkan hasil daripada tinjauan ini adalah tentang pentingnya pemilihan teks yang boleh digunakan untuk mengajarkan kemahiran membuat inferens. Kajian ini mendapati bahawa teks jenis naratif adalah lebih sesuai digunakan untuk mengajarkan kemahiran membuat inferens kerana kaitan rapatnya dengan kehidupan sehari-hari seseorang itu. Ini adalah bersandarkan dapatan Graessar et al. (1994). Singer et al. (1997) pula mengemukakan gagasan bahawa teks naratif lebih sesuai untuk tujuan pengajaran kemahiran membuat inferens kerana terdapatnya “struktur yang dikenali yang berkisar kepada setting, tema, plot dan penyelesaian” yang terdapat dalam sesebuah naratif. Narvaez (2002) juga mendapati bahawa teks naratif biasanya “dapat menarik lebih banyak minat dan menghasilkan penerangan dan ramalan, malahan menjana sembilan kali ganda peluang untuk membuat inferens berbanding teks ekspositori”.

Satu lagi bahan literatur berkaitan pengajaran kemahiran membuat inferens melaporkan akan kepentingan pengetahuan sedia ada dalam membantu seseorang pembaca itu membuat inferens. E. D. Hirsch, Jr. (2003), dalam kajiannya menyatakan bahawa apabila seseorang itu membaca atau mendengar, dia perlu membuat inferens yang bergantung kepada pengetahuan sedia ada. Ini berbeza dengan pendapat yang mengatakan apabila membuat inferens seseorang pembaca itu perlu menyangka sesuatu konteks. Perkara ini mustahil berlaku kerana kemahiran membuat inferens itu dianggap sebagai suatu kemahiran asas yang sudah sedia ada dalam diri seseorang kanak-kanak itu.

Maka jelaslah daripada tinjauan literatur ini bahawa kajian ke atas kemahiran membuat inferens ini bukanlah sesuatu yang baharu ataupun tidak penting. Malahan, masih terdapat banyak lagi sebab yang mungkin mendorong sesuatu kajian ke atas kemahiran ini dijalankan. Inilah yang membuat penyelidik terpanggil untuk melakukan kajian mengenai kemahiran membuat inferens. Apatah lagi dapatan daripada kajian ini akan dapat membantu mengesahkan peri pentingnya pengajaran kefahaman secara eksplisit yang menekankan pengajaran kemahiran membuat inferens dengan menggunakan rutin berfikir ‘Mengapa Kamu Kata Begitu’ yang nantinya diharapkan dapat memberikan kesan ke atas skor



pelajar dalam peperiksaan PSLE.

KAEDAH KAJIAN

Kajian kuasi-eksperimen ini menggunakan reka bentuk praujian dan pascaujian tanpa kumpulan kawalan. Kajian ini menggabungkan kedu-dua data kuantitatif dan kualitatif.

Subjek Kajian


Kajian dijalankan ke atas 45 orang murid dari dua buah kelas darjah 6 di sebuah sekolah rendah. Pemilihan subjek kajian ini tidak dijalankan secara rawak, sebaliknya melibatkan kesemua murid daripada kedua-dua kelas yang terpilih. Kesemua subjek tergolong dalam kumpulan pelajar yang berkebolehan tinggi, sederhana dan lemah (HA[*High Ability*]/MA[*Medium Ability*]/LA [*Low Ability*]) dalam pelajaran Bahasa Melayu. Tiada kumpulan kawalan yang digunakan.

Instrumen Kajian

Instrumen utama untuk kajian ini ialah lembaran kerja kefahaman yang dijadikan bahan praujian dan pascaujian. Lembaran-lembaran kerja (praujian dan pascaujian) ini terdiri daripada tiga soalan inferens. Lembaran-lembaran kerja ini mengutamakan murid untuk menjawab soalan-soalan kefahaman dengan mencari jawapan kepada soalan rutin berfikir 'Apa yang Menyebabkan Awak Kata Begitu'. rutin berfikir ini memerlukan mereka berfikir secara aktif dan kritikal untuk membuat hubung kait antara isi teks yang tersurat dengan pengetahuan mereka. Ini akan membolehkan mereka mencari dan menemukan isi jawapan yang tersirat di dalam teks. Lembaran kerja tersebut menggunakan teks jenis naratif dan tiga soalan inferens. Kebolehpercayaan instrumen untuk kajian ini walau bagaimanapun, tidak dapat disahkan memandangkan tiada ujian-ujian khusus yang telah dijalankan ke atasnya. Namun, beberapa faktor pemboleh ubah seperti jenis dan jumlah perkataan dalam teks serta bentuk-bentuk soalan yang digunakan telah disetarakan dengan sebaik mungkin.

Prosedur Kajian

Kajian telah dijalankan selama tiga minggu. Pelajar-pelajar dalam kumpulan kajian telah diajarkan kefahaman bahasa Melayu oleh guru-guru yang juga merupakan



penyelidik kajian ini selama dua jam setiap minggu untuk tempoh tiga minggu. Ujian praujian dan pascaujian bagi pelajaran kefahaman telah diberi sebelum dan selepas program ini dilaksanakan.

Setelah diberikan praujian pelajar-pelajar telah diajarkan dengan menggunakan dua kaedah utama, iaitu penggunaan rutin berfikir Mengapa Awak Kata Begitu? dan penekanan langsung terhadap soalan-soalan jenis inferens. Penggunaan rutin berfikir bertujuan mengasah ketajaman berfikir pelajar dengan membina kesedaran peri perlunya mereka sentiasa menanyakan apakah yang menjadi landasan dan pendorong pemikiran mereka. Rutin berfikir ini membantu pelajar menentukan bagaimana soalan jenis inferens boleh dijawab kerana terdapat proses menyemak andaian mereka sendiri apabila memberi jawapan dengan soalan.


Satu tinjauan untuk mengkaji pandangan subjek terhadap kaedah pengajaran yang digunakan dalam kajian ini telah diadakan di akhir kajian menerusi borang refleksi. Catatan refleksi pelajar ini menjadi bahan data kualitatif bagi kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang digunakan dalam kajian ini datang daripada dua sumber utama, iaitu skor praujian dan pascaujian subjek dan catatan refleksi murid. Kumpulan data yang pertama yang terdiri daripada skor praujian dan pascaujian kemudiannya dianalisis ukuran min, median dan modnya. Di samping itu, respons subjek kepada borang refleksi yang dijalankan juga dikumpulkan dan dianalisis mengikut kategori-kategori yang tertentu. Dapatan kajian yang berdasarkan skor murid pada praujian dan pascaujian dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Skor untuk Praujian dan Pascaujian

	Praujian	Pascaujian
Jumlah subjek	45	45
Min	2.62	4.37
<i>Variance</i>	1	1.1
<i>Median</i>	3	4
Mod	3	4




Daripada skor yang dikumpulkan, terdapat sedikit peningkatan pada ukuran median dan mod dari praujian ke pascaujian. Dapatan ini dikuatkan lagi dengan ukuran min yang jelas menampakkan peningkatan dari 2.62 hingga 4.37. Ini bermakna terdapat peningkatan pada markah purata setiap subjek.

Catatan refleksi murid terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu 3 perkara yang mereka suka tentang pelajaran kefahaman itu, 2 perkara yang guru boleh perbaiki tentang pelajaran kefahaman itu dan 1 perkara yang mereka telah pelajari dan akan ingat sentiasa tentang menjawab soalan-soalan inferens. Setelah dianalisis catatan-catatan murid itu, perkara-perkara yang ditimbulkan telah dikumpulkan dan disusun mengikut kekerapannya. Tiga tema utama bagi setiap bahagian itu telah-Tiga dikumpulkan berdasarkan kekerapannya diutarakan. Berikut adalah tema-tema yang paling kerap timbul daripada respons refleksi murid:

Jadual 2: Tiga Perkara yang Saya Suka Tentang Pelajaran Kefahaman ini

Kategori	Jumlah respons
Mudah difahami	33
Soalan-soalannya pendek	40
Saya tahu cara-cara mencari jawapan	36

Dapatan daripada refleksi murid, jelas menunjukkan bahawa terdapat ramai murid yang suka pada pengajaran kefahaman secara eksplisit ini kerana mereka mendapatinya mudah difahami. Ini diikuti dengan dapatan bahawa ramai daripada mereka yang suka pada cara pengajaran kefahaman sebegini kerana soalan-soalannya lebih pendek daripada soalan-soalan yang sering mereka temui. Paling ramai subjek yang mempunyai pendapat yang sama dalam perkara ketiga, iaitu mereka mengatakan bahawa mereka kini sudah tahu mencari jawapan soalan-soalan inferens.



**Jadual 3: Dua Perkara yang Guru Boleh Perbaiki
Tentang Pelajaran Kefahaman itu**


Kategori	Jumlah respons
Beri lebih banyak latihan seperti ini	40
Beri kami lebih banyak masa untuk memahami teks	26
Teks yang lebih mudah difahami	28

Dapatan selanjutnya menunjukkan ramai murid yang mahukan lebih banyak latihan seperti yang telah digunakan dalam kajian ini. Pendapat kedua paling banyak menunjukkan ramai juga murid yang mahukan guru memberikan mereka lebih banyak masa untuk mencerna kandungan teks yang mereka baca. Ini diikuti pula dengan harapan mereka supaya guru dapat menggunakan teks yang lebih mudah difahami.

**Jadual 4: Satu Perkara yang Mereka telah Pelajari dan akan Ingat Sentiasa
Tentang Menjawab Soalan Inferens**

Kategori	Jumlah respons
Semua jawapan ada dalam teks	35
Kenal pasti bahagian teks yang ada jawapan	30
Harus rajin berlatih membuat rumusan	30

Dapatan untuk bahagian terakhir amat berguna sebagai penunjuk kepada guru dan penyelidik sejauh mana pengajaran kemahiran membuat inferens telah dapat difahami dan diingati oleh murid. Mereka rata-rata kini lebih faham bahawa jawapan kepada soalan jenis inferens sebenarnya ada terdapat dalam teks. Ini diikuti pula dengan kesedaran bahawa mereka perlu melalui proses berfikir sepanjang masa mereka membaca teks itu supaya dapat mengenal pasti bahagian yang terdapat jawapan kepada soalan-soalan yang diberikan. Ketiga, paling ramai subjek juga mengakui akan kepentingan sikap rajin berlatih untuk membuat rumusan setelah membaca sesuatu teks.



Dapatan kajian yang menggalakkan ini sudah tentulah merupakan suatu petanda positif dalam usaha penyelidikan untuk menanam dan memperkasakan kemahiran berfikir dalam diri para pelajar. Tambahan pula dapatan kualitatif juga seakan menyokong dapatan kuantitatif itu. Jumlah tertinggi seramai 34 daripada 45 orang subjek memberi ukuran peratusan sebanyak 75% murid berpendapat bahawa pelajaran kefahaman secara eksplisit dengan menekankan kemahiran membuat inferens bukanlah sesuatu yang susah untuk mereka fahami.

Namun, penelitian yang objektif lagi kritikal harus dilakukan demi mengetengahkan suatu perbincangan yang terbuka dan tidak berat sebelah. Ini memandangkan bahawa awal-awal lagi penyelidik telah pun mengetengahkan beberapa andaian dan keterbatasan kajian. Dengan mengambil kira semua itu, penyelidik berpendapat beberapa perkara seperti kurangnya kesahan dan kebolehpercayaan pada dapatan kajian, proses pemilihan subjek dan pembentukan kumpulan kajian yang terbatas, instrumen kajian yang tidak melalui proses pengesahan statistik dan jangka masa kajian yang agak singkat merupakan beberapa perkara yang boleh diperbaik untuk kajian yang serupa pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam konteks implementasi kurikulum sistem pendidikan di Singapura menekankan keperluan untuk mengembangkan potensi intelek murid ke tahap kecemerlangan sebagai persediaan menghadapi abad kedua puluh satu yang pastinya lebih mencabar. Justeru, guru-guru sewajarnya mempunyai strategi yang jelas sebagai pelaksana kurikulum untuk menangani keperluan pendidikan yang semakin mencabar ini. Tugas guru bukan sahaja untuk membentuk murid Bahasa Melayu yang berkeupayaan menguasai kemahiran bahasa tetapi mantap juga penggunaannya. Hendaknya guru-guru juga akan dapat membina dan memperkasakan kemahiran pemikiran kritikal murid seiring dengan usaha mereka memperkasakan kemahiran pemikiran kritikal mereka sendiri. Tugas dan peranan guru seharusnya dilihat lebih sebagai perancang pembelajaran yang mengambil berat peranan utama mereka membentuk keupayaan berfikir murid ke arah pemikiran aras tinggi yang kritikal dan membolehkan mereka membuat hubung kait, menentukan kerelevanan dan kesahihan maklumat dan sebagainya.



RUJUKAN

Cain, Oakhill, Barnes, and Bryant (2001). *Comprehension skill, inference-making ability, and their relation to knowledge*, Memory and Cognition.

E. D. Hirsch, Jr. (2003), *Reading comprehension requires knowledge— of words and the World*, American Educator.

Facione, P. A. (1998), *Critical thinking: What it is and why it counts*. Millbrae, CA: The California Academic Press.

http://www.seab.gov.sg/psle/2012_PSLE_Subject_Info/0006_2012.pdf
Kispal, Anne (2008), *Effective Teaching of Inference Skills for Reading - Literature Review*, National Foundation for Educational Research.

Othman, Yahya (2005), *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*: Kuala Lumpur: PTS Media Group Sdn Bhd.

